



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

29 TERIMA ANUGERAH 6th ASEAN ENVIRONMENTALLY SUSTAINABLE CITIES (ESC) AWARD & 5th CERTIFICATES OF RECOGNITION (COR)

Malaysia melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menganjurkan Majlis Anugerah 6th ASEAN *Environmentally Sustainable Cities* (ESC) Award & 5th *Certificates Of Recognition* (COR) bersempena Majlis Makan Malam Rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Alam Sekitar (AMME) ke-18 di Langkawi.

Sebanyak sepuluh (10) bandar-bandar ASEAN telah dianugerahkan 6th ASEAN *Environmentally Sustainable Cities* (ESC) Award, manakala 19 bandar menerima 5th *Certificates Of Recognition* (COR) atas pencapaian dalam lima (5) kategori utama iaitu: *Clean Air, Clean Land, Clean Water, Urban Biodiversity and Green Spaces and Circular Economy*.

Penganjuran Majlis anugerah ini adalah salah satu *deliverable* penganjuran Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Alam Sekitar (AMME) ke-18.

Anugerah ESC merupakan pengiktirafan alam sekitar ASEAN yang diberikan kepada bandar-bandar yang menunjukkan komitmen cemerlang dalam mengekalkan persekitaran yang bersih, hijau dan lestari dalam menghadapi cabaran urbanisasi dan pertumbuhan ekonomi.

Malaysia turut berbangga kerana beberapa bandar diiktiraf pada majlis berprestij ini. Kota Tinggi telah dianugerahkan 6th ASEAN *Environmentally Sustainable Cities* (ESC) Award, manakala Johor

Bahru, Bandaraya Diraja Klang, Petaling Jaya, Hang Tuah Jaya, Banting dan Melaka dianugerahkan 5th *Certificates Of Recognition* (COR) merangkumi beberapa kategori.

Pengiktirafan ini mengukuhkan lagi komitmen Malaysia dalam memperkasa kelestarian alam sekitar di peringkat tempatan disamping menyumbang kepada aspirasi bersama ASEAN untuk membina bandar yang berdaya tahan, lestari dan sejahtera.

NRES turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua bandar daripada Negara-negara Anggota ASEAN yang menerima anugerah pada tahun ini.

Pencapaian mereka bukan sahaja memberi inspirasi kepada bandar lain di rantau ini, malah memperkukuh kerjasama ASEAN dalam berkongsi amalan terbaik demi masa depan yang lebih hijau dan mampan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
3 SEPTEMBER 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nresmalaysia

Penerima Anugerah ESC ASEAN Ke-6

Bil.	Negara	Pencalonan Bandar untuk Anugerah ESC ASEAN Ke-6	Ciri-ciri utama
1	Brunei Darussalam	Seria	Memiliki Loji Fotovoltaik Suria BSP, Taman Rekreasi Tenaga Seria, dan Inisiatif Tiada Beg Plastik Setiap Hari.
2	Kemboja	Bandaraya Siem Reap	Menerima Anugerah Bandaraya Bersih Kebangsaan (2022-2025) dan Anugerah Bandaraya Pelancongan Bersih ASEAN (2022-2024). Inisiatif mereka termasuk program bebas plastik dan pemuliharaan air bawah tanah.
3	Indonesia	Banyumas	Menerima Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam. Tumpuan mereka adalah pada pengurusan sisa, kebersihan, kualiti alam sekitar bandar, dan ekonomi kitaran.
4	Lao PDR	Bandaraya Xay	Menekankan Adaptasi Berasaskan Ekosistem, pengurusan risiko bencana, kemudahan hidup adaptif iklim tempatan, dan pengurusan sisa plastik.

5	Malaysia	Kota Tinggi	Mematuhi Piawaian Bandaraya Pelancongan Bersih ASEAN. Tumpuan mereka adalah pada pembangunan bandar lestari, penglibatan komuniti inklusif, dan inisiatif tempatan yang inovatif.
6	Myanmar	Bandaraya Hpa-an	Program mereka termasuk pengurusan sisa, mitigasi dan adaptasi perubahan iklim, pemuliharaan biodiversiti, dan pengurusan sisa plastik.
7	Philippines	Bandaraya Samal	Mengamalkan pengurusan sisa pepejal, perlindungan biodiversiti marin, pendidikan komuniti, dan pengendalian sisa yang bertanggungjawab.
8	Singapore	Bahagian Brickland-Tengah	Melaksanakan program alam sekitar berasaskan komuniti, festival lestari berasaskan komuniti, inisiatif berbasikal komuniti, dan kerjasama komuniti-perniagaan dalam kelestarian.
9	Thailand	Perbandaran Bandaraya Pakkret	Mempunyai pengurusan sisa pepejal bersepadu, air bersih, pengurusan emisi GHG, kecekapan tenaga, pengurusan air sisa, perancangan pencegahan dan tindak balas banjir, pengurusan

			kualiti udara, biodiversiti, dan ruang hijau.
1	Viet Nam	Bandaraya Hoa Lu	Mengamalkan inisiatif pembangunan lestari sensitif gender, pelancongan lestari, pendidikan alam sekitar, dan kesedaran di sekolah.

Penerima Sijil Pengiktirafan ASEAN Ke-5

Category		5th COR 2025	
Big Cities	Clean Air	Indonesia	Malang
	Clean Water	Indonesia	Bandung
	Clean Land	Malaysia	Johor Bahru
	Urban Biodiversity and Green Spaces	Malaysia	Klang
		Viet Nam	Hai Phong
	Circular Economy	Indonesia	Padang
		Malaysia	Petaling Jaya
Small Cities	Clean Air	Cambodia	Tboung Khmum
		Malaysia	Hang Tuah Jaya
		Thailand	Hua Hin City Municipality
	Clean Water	Cambodia	Ponhea Kraek

		Cambodia	Takhmao
		Malaysia	Banting
		Philippines	Dipolog
	Clean Land	Indonesia	Ciamis Regency
	Urban Biodiversity and Green Spaces	Thailand	Thungsong Town Municipality
	Circular Economy	Cambodia	Sihanoukvile
		Malaysia	Melaka
		Philippines	Bacolod